



MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2022

---

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan baharu.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah kerajaan yang meneruskan kesinambungan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Johor Riau
  - B Majapahit
  - C Srivijaya
  - D Jambi
- 2 Apakah kepentingan alat regalia kepada Kesultanan Melayu Melaka?
- A Lambang kemakmuran
  - B Simbol kekayaan
  - C Simbol kedaulatan
  - D Lambang persahabatan
- 3 Jadual berikut menunjukkan perkembangan nasionalisme yang berlaku di Eropah pada abad ke-18.  
Pasangan manakah yang betul?

	Revolusi Keagungan	Revolusi Perancis
A	Pentadbiran secara birokrasi	Pengamalan sistem demokrasi
B	Hak rakyat membentuk kerajaan	Pengukuhan kuasa raja
C	Parlimen menggubal undang-undang	Raja menentukan undang-undang
D	Raja berperlembagaan diperkenalkan	Pelaksanaan sistem republik

- 4 Gambar berikut adalah tokoh nasionalis di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)

Bagaimanakah beliau menyebarkan idea nasionalisme?

- A Menerbitkan akhbar
  - B Menulis karya kreatif
  - C Membentuk parti politik
  - D Membangunkan madrasah
- 5 Mengapakah Jepun ingin menguasai Singapura ketika Perang Dunia Kedua?
- A Membentuk Persekutuan Borneo
  - B Menyekat kemaraan tentera Bersekutu
  - C Meningkatkan perdagangan di Selat Melaka
  - D Memudahkan penguasaan minyak di Sumatera


[Lihat halaman sebelah

- 6 Maklumat berikut merujuk kepada rundingan yang diadakan selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu.

Tarikh	Wakil	Lokasi
Ogos 1945	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dato' Onn Jaafar</li> <li>• Kiai Salleh</li> <li>• Ketua Bintang Tiga</li> </ul>	Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat, Johor

Apakah kesan daripada usaha tersebut?


- A Mengembalikan keamanan  
 B Mengeratkan hubungan antara kaum  
 C Mengiktiraf kewibawaan pemimpin Melayu  
 D Mengukuhkan kerjasama dalam pentadbiran
- 7 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Desakan golongan radikal  
 B Ketegasan pemimpin Melayu  
 C Pelaksanaan sistem demokrasi  
 D Pembentukan Jawatankuasa Eksekutif
- 8 Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan daripada rakyat tempatan. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A Kegiatan persatuan ditindas  
 B Kerjasama yang baik antara kaum  
 C Masalah kewangan yang meruncing  
 D Pentadbiran negeri diserahkan kepada pemimpin tempatan

- 9 Rajah berikut berkaitan dengan usaha British untuk merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu menggantikan Malayan Union.



Siapakah wakil X ?

- A Rakyat tempatan
  - B Pembesar negeri
  - C Raja-Raja Melayu
  - D Pemimpin parti radikal
- 10 Maklumat berikut berkaitan syarat kewarganegaraan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nama	: Ah Boon
Tarikh lahir	: 16 November 1948
Tempat lahir	: Melaka Tengah, Melaka

Apakah status kewarganegaraan beliau?

- A Rakyat British
- B Rakyat Dagang
- C Rakyat Raja Melayu
- D Rakyat Malayan Union

[Lihat halaman sebelah

- 11 Undang-undang berikut telah diluluskan oleh British di Tanah Melayu.

Trade Union Ordinance No. 9 of 1948

Mengapakah undang - undang tersebut dilaksanakan?

- A Menghalang pengaruh parti radikal
  - B Mengekang pengaruh komunis
  - C Menyekat kebebasan bersuara
  - D Mengawal penerbitan risalah
- 12 Gambar berikut menunjukkan perarakan penduduk tempatan sempena kempen 'Bulan Rakyat Melawan Penjahat' pada tahun 1949 di Tanah Melayu.



Apakah kesan kempen tersebut?

- A Pengukuhan kerjasama pelbagai kaum
- B Pertambahan bilangan imigran
- C Peningkatan kesedaran berpolitik
- D Pemerksaan perkhidmatan awam

- 13 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- I Penggunaan kurikulum yang seragam
  - II Pengenalan sekolah aneka jurusan
  - III Pendidikan sivik diperkenalkan
  - IV Pelaksanaan sistem persekolahan yang sama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Pakatan antara Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat. Apakah perkara yang terkandung dalam manifesto tersebut ?
- A Pelaksanaan pilihanraya
  - B Pemerintahan bercorak republik
  - C Pembentukan Dewan Perundangan
  - D Penganjuran Persidangan Kebangsaan

[Lihat halaman sebelah

- 15 Jadual berikut berkaitan keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Parti Bertanding	Bilangan Calon	Kerusi Dimenangi
Parti Perikatan	52	51
Parti Negara	30	0
Parti Islam Se-Tanah Melayu	11	1
Parti Kebangsaan Perak	8	0
Calon Bebas	18	0

Mengapakah Parti Perikatan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya tersebut ?

- A Mendaftarkan calon lebih awal
  - B Meletakkan calon berpendidikan
  - C Memperjuangkan hak sama rata
  - D Mengadakan kerjasama politik
- 16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 di Tanah Melayu ?
- A Membubarkan parlimen
  - B Menggubal undang-undang
  - C Melantik ahli Jemaah Menteri
  - D Membentuk Jawatankuasa Pilihanraya



- 17 Gambar berikut merupakan ulama terkenal di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Syeikh Abdullah Fahim

Apakah sumbangan tokoh tersebut ?

- A Memperjuangkan kebebasan bersuara
  - B Menetapkan tarikh kemerdekaan
  - C Menyertai rombongan ke London
  - D Mengasaskan pasukan Tentera Selempang Merah
- 18 Maklumat berikut berkaitan reaksi parti-parti politik terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Parti	Reaksi
Parti Negara	X
Malayan Indian Congress (MIC)	Bahasa Tamil diberi perhatian
Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	Menuntut Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi

Apakah X?

- A Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
- B Memperakui Islam sebagai agama rasmi
- C Menolak syarat kewarganegaraan yang longgar
- D Menjadikan Bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan


[Lihat halaman sebelah

- 19 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan untuk membangunkan negara selepas mencapai kemerdekaan.

Tarikh	Peristiwa
25 Januari 1961	Pelancaran Rancangan Buku Merah

Apakah matlamat rancangan tersebut?

- A Menambah pengeluaran bahan makanan
  - B Mengoptimumkan penggunaan tanah
  - C Menyediakan peluang pekerjaan
  - D Memantau projek pembangunan
- 20 Gambar berikut adalah Jata Negara yang telah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada tahun 1957.



Apakah maksud lima bilah keris dalam lambang tersebut ?

- A Negeri-negeri Selat
- B Islam sebagai agama rasmi
- C Warisan ketamadunan Melayu
- D Negeri Melayu Tidak Bersekutu

- 21 Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB telah diperkenalkan pada tahun 1970. Apakah kepentingan deklarasi tersebut?
- A Menekankan prinsip persamaan kedaulatan
  - B Mewujudkan pakatan ketenteraan
  - C Menghapuskan amalan kuasa veto
  - D Menamatkan persaingan senjata nuklear
- 22 Apakah peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara?
- I Menggubal undang-undang
  - II Menggunakan bahasa kebangsaan
  - III Mengamalkan prinsip Rukun Negara
  - IV Merangka Dasar Pembangunan Nasional
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 23 Maklumat berikut merupakan undang-undang Negeri Melayu yang digubal sebelum kedatangan British.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

Apakah persamaan undang-undang tersebut?

- I Kerabat diraja menentukan undang-undang
  - II Pembesar berkuasa menjatuhkan hukuman
  - III Raja menentukan sistem pemerintahan
  - IV Rakyat memberikan taat setia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

24 Senarai berikut berkaitan majlis yang dibentuk sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Negeri</li> <li>• Majlis Persekutuan</li> <li>• Majlis Undangan Negeri</li> </ul> |
|---|

Apakah peranan majlis tersebut?

- A Menggubal undang-undang
- B Membentuk dasar pentadbiran
- C Menjadi penasihat kepada sultan
- D Mengurus perbendaharaan negeri

25 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap sistem pentadbiran di negara kita?

Tahun	Peristiwa
1897	Penubuhan Durbar Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

- A Sultan kehilangan kuasa
- B Majlis Raja-Raja ditubuhkan
- C Gabenor mengetuai pentadbiran
- D Kuasa persekutuan dan negeri diagihkan

26 Apakah situasi yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat di negara kita?

- A Perebutan kuasa antara pemimpin
- B Peningkatan kos sara hidup
- C Pertikaian sempadan negeri
- D Perbalahan antara kaum

- 27 Maklumat berikut berkaitan Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah yang dilaksanakan selepas tahun 2005.

- Rancangan Pembangunan Iskandar (SJER)
- Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)
- Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Apakah matlamat rancangan tersebut?

- A Mengawal keselamatan sempadan
  - B Menggalakkan kemasukan buruh asing
  - C Mengadakan kerjasama dengan negara luar
  - D Mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri
- 28 Maklumat berikut berkaitan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

Mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan maka, undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri

Apakah kepentingan perkara tersebut?

- A Mengukuhkan sistem Persekutuan
  - B Mengagihkan kuasa secara saksama
  - C Mengawal perkhidmatan awam negeri
  - D Menentukan kuasa Kerajaan Tempatan
- 29 Mengapakah Parti Rakyat Brunei pimpinan A. M. Azahari menentang cadangan pembentukan Malaysia pada tahun 1963?
- A Menubuhkan kesatuan wilayah Borneo
  - B Melambatkan proses kemerdekaan
  - C Membendung ancaman komunis
  - D Mengawal kestabilan politik Asia Tenggara

[Lihat halaman sebelah

SULIT

30 Maklumat berikut berkaitan konfrontasi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

Tarikh	20 Januari 1963
Kempen	Ganyang Malaysia

Bagaimanakah kerajaan Malaysia menangani perkara tersebut?

- I Menggunakan saluran diplomatik
  - II Menghentikan perdagangan dua hala
  - III Menyekat kemasukan rakyat asing
  - IV Mendapatkan sokongan negara luar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
31. Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan menangani ancaman komunis.

- Rancangan Briggs di Tanah Melayu
- Operasi Hammer di Sarawak

Apakah persamaan usaha tersebut?

- A Melancarkan perang gerila
- B Menawarkan pengampunan
- C Membina petempatan baharu
- D Membentuk pasukan sukarelawan


- 32 Gambar berikut menunjukkan bangunan yang terbakar semasa Peristiwa 13 Mei 1969.



Sumber : <https://www.rmp.gov.my/peristiwa-13-mei>

Apakah faktor tercetusnya peristiwa tersebut?

- A Pelaksanaan cukai yang tinggi
  - B Kemasukan pendatang asing
  - C Keputusan pilihanraya umum
  - D Provokasi daripada negara luar
- 33 Logo berikut berkaitan institusi yang telah ditubuhkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1992.



Apakah peranan institusi tersebut?

- A Pusat pembangunan teknologi
- B Pusat penyelidikan ilmu
- C Pusat kokurikulum
- D Pusat kegiatan guru

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

- 34 Prinsip kelima Rukun Negara ialah Kesopanan dan Kesusilaan. Mengapakah warganegara Malaysia perlu menghayati prinsip tersebut?
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
  - B Melahirkan masyarakat bertoleransi
  - C Mewujudkan masyarakat berdaya saing
  - D Mengekalkan persamaan hak
- 35 Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970. Apakah matlamat pembentukan majlis tersebut?
- A Meningkatkan taraf pendidikan
  - B Memperkukuh dasar luar negara
  - C Mewujudkan masyarakat demokratik
  - D Memupuk integrasi nasional
- 36 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bertujuan menyatupadukan rakyat melalui pengalihan kekayaan yang adil. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?
- A Melaksanakan skim gaji minimum
  - B Mengimbangi pembangunan antara negeri
  - C Memperkenalkan ekonomi kawalan
  - D Mewajibkan pemilikan saham



- 37 Apakah bantuan yang diterima oleh Malaysia selepas menandatangani perjanjian berikut?

Tarikh	Peristiwa	Negara Yang Terlibat
15 hingga 16 April 1971	Perjanjian Pertahanan Lima negara (FPDA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Singapura</li> <li>• Britain</li> <li>• New Zealand</li> <li>• Australia</li> </ul>

- I Perubatan  
 II Kewangan  
 III Teknikal  
 IV Latihan bersama
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 38 Maklumat berikut berkaitan usaha Pertubuhan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).


Tarikh	Peristiwa
1970	Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Mendesak pengharaman senjata nuklear  
 B Memerangi pemerdagangan manusia  
 C Menangani isu perebutan wilayah  
 D Mengatasi masalah pelanunan

[Lihat halaman sebelah

39. Buku berikut membincangkan krisis kewangan negara pada tahun 1997-1998.



Malaysia memulihkan masalah tersebut dengan cara

- A Membuat pinjaman luar
- B Menggunakan mata wang dinar
- C Menambat kadar pertukaran mata wang
- D Menambah bilangan institusi kewangan

- 40 Gambar berikut menunjukkan kedatangan pelarian Rohingya ke negara kita.



Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/26/05/2022>

Bagaimanakah isu tersebut ditangani?

- A Menambah kem pelarian
- B Meningkatkan kerjasama serantau
- C Membuat bantahan di Mahkamah Antarabangsa
- D Memutuskan hubungan diplomatik dengan Myanmar

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**